



## Gurindam Jiwa

*Hlovate , Imaen , Noor Suraya*

[Download now](#)

[Read Online ➔](#)

# Gurindam Jiwa

*Hlovate , Imaen , Noor Suraya*

**Gurindam Jiwa** Hlovate , Imaen , Noor Suraya

Ceritera 1: **Schubert's Serenade** oleh Hlovate

Lagunya penuh dengan kenangan. Dan dengan kenangan itu cerita ini ditulis.

Ceritera 2: **Vendetta** oleh Imaen

Dengan jari aku gali sedikit tanah di nisannya, kukuburkan cincin itu di sisinya.

"Hari ini adalah titik tanpa pulang lagi."

Ceritera 3: **Hati Andriyana** oleh Noor Suraya

Sisipan kisah cinta 'dia' yang menyimpan seribu rahsia, 'dia' yang menyimpan seribu cerita, 'dia' yang ingin berkongsi sebuah rasa: Aliya dan Manjalara

## Gurindam Jiwa Details

Date : Published 2007 by Jemari Seni Publishing

ISBN :

Author : Hlovate , Imaen , Noor Suraya

Format : 496 pages

Genre : Novels

 [Download Gurindam Jiwa ...pdf](#)

 [Read Online Gurindam Jiwa ...pdf](#)

**Download and Read Free Online Gurindam Jiwa Hlovate , Imaen , Noor Suraya**

---

## **From Reader Review Gurindam Jiwa for online ebook**

### **Syaz Shuk says**

\*review for Schubert's Serenade only\*

Satu-satunya novel(cerpen kot..?) H yang boleh buat aku menangis. Perwatakan Ju'a ni lebih kurang dengan kebanyakan watak ciptaan H yang lain seperti Addin, Trisy, Minn dll. What I admire most about Ju'a is that dia masih mampu menjaga aurat dengan abang tiri eventhough diorang duduk satu rumah, which is pada aku sangat susah utk orang melayu biasa buat.

Bila baca novel ni, aku terasa rindu sangat dengan arwah abang sebab bond antara Ju'a dan Abang Shah yang sangat kuat walaupun sebagai adik-beradik tiri, tapi dah cukup untuk buat aku jealous sebab tak sempat nak rasa kasih sayang seorang abang sepenuhnya. Ju'a dan Abang Shah berkongsi minat yang sama; muzik. Cumanya, Ju'a main violin, n Abang Shah main piano, sampailah satu tragedi yang buatkan hidup Ju'a berpusing 360 darjah.

Ending dia macam tergantung, sampai part Ju'a masuk KMS je then habis. Pembaca tak tahu apa kesudahan hidup Ju'a, adakah dia akan jumpa balik dengan EG ke, main violin balik macam dulu ke or what. So pls H, buatlah sambungan untuk cerita ni..!! :3

lagi dua cerita tu, belum sampai seru lagi nak baca hahaha zzz

---

### **kuzzeen says**

Gurindam Jiwa : Hlovate

Bila dah terbiasa dengan 6 course meal, tiba-tiba dihidangkan dengan sepinggan nasi campur sahaja; mesti ada yang kurang.....hehehe

Ini karya terakhir Hlovate dibaca. Dah terbiasa dengan novel penuh, so bila menghadap mini novel seperti ini, memang rasa x puas.

Sesuatu yang berbeza bila tiada lovey-dovey plot untuk naskah ini. Walaupun bila imaginasi tiada batasan mula merewang dah tentunya terbayang 'sesuatu' sekiranya watak Shah tidak ditamatkan.

Gigih la jugak mengetuk pintu pakcik google tengah2 malam untuk mendapatkan detail lagu dan simponi yang berkumandang ;)

Vandetta : Imean

Mungkin langitku belum terbuka untuk genre action-thriller seperti ini. Sukar sedikit untuk dimaksimakan ruang pemahaman. Tapi, suka dengan sindiran sinis perihal sosio ekonomi dan politik oleh penulis.

Hati Adriyana: Noor Suraya

Mini novel ini dikeluarkan sebagai peneman kembarnya (Tanah Adriyana) keluaran CESB. Untuk pembaca yang belum diberi kesempatan melancong ke Tanah Adriyana Resort, confirm terpinga-pinga. Biarpun Noor Suraya dengan gigihnya memberi bayangan di mana letaknya bangunan utama dan infrastruktur asas (siap dicetak pelan lokasi lagi...) tapi untuk pembaca lemah daya ingatan seperti aku; sesatnya sudah tentu.

Tapi, bila hati Manjalara dan Aliya diplotkan; memang terbentang jelas arah perjalannya. DAN Noor Suraya tetap dengan magisnya.

---

### Ain says

[drmuslimah.blogspot.com](http://drmuslimah.blogspot.com)

Tajuk buku : Gurindam Jiwa  
Penulis : Hlovate, Imaen , Noor Suraya  
Keluaran : Jemari Seni  
Halaman : 496 m/s

Ulasan Ain Sabrina :

Ada 3 kisah dalam Gurindam Jiwa yang berlainan temanya.

Ceritera I : Schubert's Serenade karya Hlovate

Kisah pendek dari Hlovate membawa watak Ju'a dengan Shah. Kali ini tiada tema percintaan dibawa kerana Ju'a dan Shah adalah adik dan abang walaupun tidak seibu dan seberapa. Pada mulanya, Ju'a amat tidak menyenangi kehadiran Shah sedangkan tiada salah Shah pada Ju'a. Sehingga kerana minat yang sama dan kerana muzik , mereka mula 'kamceng'. Namun di saat mereka menanti adik baru mereka , ada satu peristiwa berlaku. Dalam gembira, ada peristiwa sedih menjelma.

Ceritera II : Vendetta karya Imaen

Kisah ini hanya membawa watak 'aku' tanpa nama. Kisah di awal menceritakan serba sedikit kebahagian 'aku' bersama Lia. Namun kebahagian itu tidak lama, apabila satu eksiden berlaku yang menyebabkan Lia pergi selamanya. Dan kerana itu , dia tekad untuk balas dendam. Penyiasatan dibuat dengan bantuan yang lain , membawa dia kepada misteri yang lebih besar. Membunuh seakan menjadi satu lumrah buatnya sampaikan tiada rasa bersalah yang terbit. Berjayakah dia membala dendam atau ada yang menjadi penghalang? Apakah akhirnya, derita atau bahagia?

Ceritera III : Hati Adriyana karya Noor Suraya.

Kisah Hati Adriyana adalah kesinambungan kisah Tanah Adriyana yang pernah diterbitkan CESB sebelum ini. Kesinambungan kisah Aliya dan Hadi yang telah berkahwin setelah menghadapi musim cinta terlarang di dalam novel Tanah Adriyana sebelum ini. Dan di dalam novel ini , diuraikan dengan lebih mendalam kisah

cinta moyang mereka dahulu , Ku Ahmad Fitri dengan Raden Adriyana. Juga bagaimana keluarga Aliya akhirnya mendapat pembelaan setelah rahsia sebenar terbongkar.

Komen Ain Sabrina :

Ketiga-tiga kisah ini walaupun dikumpulkan dalam Gurindam Jiwa , setiap satunya ada kekuatan dan temanya masing-masing. Seakan tiada ikatan lansung antara cerita ketiga-tiga ini.

Watak Ju'a yang mempertahankan prinsip dan ajaran agama , menjaga aurat antara dia dan shah amat saya hormati. Ini kerana saya tahu benda itu bukan mudah. Untuk menjaga aurat dengan sepupu pun saya rasa susah , tambah-tambah lagi dengan abang yang hidupnya hampir 24 jam serumah dengan kita. Kisah Schubert's Serenade ada kekuatannya sendiri walaupun tidak membawa tema cinta sebagai temanya. Tema hubungan persaudaraan membuatkan saya turut rindu pada saudara saya sendiri walaupun realitinya pasti tidak seindah seperti dalam novel.

Kisah kedua agak berat. Kisah dendam, kisah nyawa manusia jadi taruhan. Saya ingin mengiakan kata-kata yang ada ditulis dalam novel ini, orang berdendam adalah orang yang paling sedih. Itu benar , kita akan pasti akan lebih gembira jika kita mudah melupakan dan mudah memaafkan. Tiada yang memberatkan fikiran, fikiran yang ringan membawa kepada kebahagian. Dan kerana itu watak 'aku' menjadi watak yang menyedihkan , walaupun dendamnya terbalas , hakikat 'Lia' telah pergi masih tidak berubah.

Kisah ketiga boleh buat saya tersenyum sendiri. Saya pernah ada buku Tanah Adriyana. Saya cakap pernah ada , sebabnya buku itu sudah hilang tiada ganti =( . Jadi apabila mengetahui ada kesinambungannya , cepat-cepat saya dapatkan buku ini. Ternyata ia tidak mengecewakan. Membaca kisah ini , seakan membaca kisah cinta 2 zaman, kisah cinta Ku Fitri dan Raden Adriyana, kisah cinta Hadi dan Aliya. Kedua-kedua kisah cinta saya suka.

---

### **heril azwan says**

gurindam jiwa... sebagaimana namanya, begitulah ia lembut membuat jiwa.....

#### **1. Schubert's Serenade**

5\*

apa yang memikat dalam tulisan Hlovate, begitu dekatnya watak2 yang dilakarkan dengan dunia sebenar, atau pun anganan yang tak tercapai di zaman persekolahan/kolej.

watak2 dilakarkan begitu teliti, dengan details yang cukup lengkap, bukan hanya sekadar kata2 tanpa bukti yang sahih.

untuk pembaca yang buta muzik seperti saya, segala2... wow!! betulkah ada? saya yang hanya mengenali mozart, beethoven ataupun vanessa may secara literal saja begitu terpesona dengan fakta2 baru yang dipaparkan, yang mana jarang dijumpai dalam mana2 novel ketika ini ( yelah asyik2 keja pejabat, anak datuk blabla... jemu jugak!).

kesedihan begitu berbekas, namun kata2 di akhir ju'a begitu mendalam.. ya, ramai yang pandai mengata yang pergi tetap pergi, hidup kena move on.. tapi sebenarnya ada sesuatu yang kita lupa.. banyak daripada kita yang mmove on, betul move n lupakan.. tanpa sedar akhirnya nanti kita akan bertemu 'di sana'....

#### **2. Vendetta**

4\*

siapa yang tak kenal dengan Imaen, rasanya sudah faham dengan nukilan beliau. saya sendiri agak lambat mengenali beliau lewat karya labyrinth & bohemian, yang mana kedua2nya cukup terkesan. permulaan pembacaan, saya kira balas dendam biasa seorang askar penceg. namun, semakin lama semakin manarik dengan pelbagai info mengenai berlian, badan2 khas (saya sendiri kurang pasti wujud atau tidak), sindiket2 yang bermaharajalela & pelbagai konspirasi yang lebih besar di sebalik dendam tersebut. kiranya, cerita ini bukan sekadar dendam D atas kematian isterinya, tapi lebih kepada penjenayah yang salah menembak mangsa nya, seolah2 menyentuh sisik songsang seekor naga sehingga menghancurkan semuanya sampai ke akar umbi! tak dilupakan, titipan pesanan diselitkan begitu bersahaja dalam karya ini.

### 3. Hati Andriyana

5\*

kali pertama membaca karya kak noor suraya, saya begitu terbuai dengan lengkok bahasanya. begitu memikat, berbekas tapi masih bersahaja saya kira. sedikit kesal kerana saya tidak mempunyai naskhah Tanah Andriyana, maka ada beberapa perkara yang membuat saya tertanya2. namun, masih boleh dihadam & difahami sebenarnya.

overall, apa yang saya suka dengan naskhah ini?

ilmu yang dikongsikan.

pelbagai info baru yang tak perna saya tau atau ambil tahu sebelum ini, diselitkan dalam naskhah inii. tidak ksemua penulis yang pandai menukilkan info2 berguna sebegini dalam watak2 novelnya.

maaf cakap, ada antara penulis yang bergelar doktor tapi masih menghasilkan karya2 komedi romantik tanpa cuba mempelbagaikan perwatakan dengan pelbagai input yang berguna.

untuk itu, 5\* untuk gurindam jiwa!

---

### LadyKeira Zachary says

awesome

---

### Yazlina Saduri says

Bestnya, semua ketiga-tiga ceritera dalam novel ini best sangat. Walaupun hanya sekitar 200 mukasurat, kisah-kisah yang dinukilkan amat mengesankan. Schubert's Serenade kisah kasih adik-abang yang tiada pertalian darah, Vendetta sebuah kisah seorang suami yang bertekad melunaskan janji matinya terhadap petualang yang membunuh sang isteri tercinta, Hati Andriyana pula kisah anak-cucu-cicit yang mencari kebenaran demi membongkar fitnah yang menodai susur galur keluarga. Sebenarnya tak terdaya saya nak membuat kesimpulan untuk ketiga-tiga ceritera karya novelist hebat ni. Yang saya tahu hanya satu, membaca buku yang penuh emosi ini memberi kepuasan tahap tinggi.

---

### Fira says

mula baca Hati Andriyana. Dan sekarang sedang baca Schubert's Serenade pula

---

### **MamaErra says**

Aku suka baca ketiga-tiga ceritera itu... menarik sungguh.

Schubert's Serenade memang menyedihkan. Menitik juga air mata tika membacanya... tapi best!

Tak sabar nak baca karya Imaen yang seterusnya... (entah mengapa sekarang ni agak minat untuk membaca novel romantic thriller dan aku baru je habis membaca novel Pulang, karya Abdul Rahim Awang - ulasannya nantilah ye?).

Nasib baik juga aku baru saja membaca novel Tanah Andriyana... barulah seronok nak menghayati 'Hati Andriyana'... bahasa yang digunakan memang membuat perasaan.

p/s terima kasih Kak Su... dan x lupa juga buat Kak Em...

---

### **Aween says**

Siapa tidak bergetar hatinya bila membaca karya Hlovate ini? Bingung juga kenapa seringkali aku tersentuh bila watak itu bersedih hati, dekat benar dengan aku rasanya. Ganas tapi in a good way.

p/s : Aku hadam karya Hlovate dulu. Yg lagi dua, tunggu guliran ya ;)

---

### **Gobokairina says**

Ceriteria I - Schubert's Serenade [Hlovate:]

Schubert's Serenade... lagunya penuh dengan kenangan  
Dan dengan kenangan itu cerita ini ditulis.

Ingatan untuk mereka yang pernah hadir dalam hidup saya  
Ingatan untuk mereka yang pernah bersama melalui 'waktu itu' bersama saya  
Ingatan untuk lagu-lagu yang pernah bertanda dalam hidup saya  
Ingatan untuk hari-hari yang pernah menjadi sebahagian dari hidup saya

Mungkin lagunya sedih  
Mungkin ceritanya pun sedih  
Namun kenangan yang bertanda dalam diri saya,  
yang datang bersama lagu ini... tiada sejarah dan air mata"

There could be beauty in tragedy, anyway. [Blurb novel:]

Berkisar tentang Ju'a yang bagaikan 'terpaksa' menerima kehadiran Shah dalam keluarganya setelah ibunya berkahwin dengan Uncle Zainal. Bukan sebab tak suka dengan perkahwinan itu cuma dia rasa janggal,

kurang menggemari tingkah anak ayah tirinya itu.

Namun seiring waktu yang berlalu, Ju'a makin menyenangi kehadiran Shah kerana mereka punya minat yang sama iaitu muzik. Kalau Ju'a bermain violin, Shah pula mahir bermain piano. Jadi kerana cinta yang sama itulah yang buat hubungan mereka makin rapat. Malah Ju'a mula menyayangi Shah sebagai abangnya. Sayangnya saat-saat bahagia itu hinggap sebentar cuma. Ketika mereka menanti kehadiran baby baru dalam keluarga, Shah pula yang dijemput Ilahi. Pemergian abang yang amat disayanginya itu turut membawa ke semua kebahagiaan Ju'a. Sukar untuk menerima namun dia akur. Takdir Tuhan itu lebih berkuasa.

Cerpen yang paling menarik hasil garapan Hlovate. Aku suka dengan jalan ceritanya. Mudah dan seperti biasa disampaikan dengan cukup santai. Aku belajar mengenali dunia muzik yang disisipkan. Walaupun ada masanya aku terkial-kial untuk memahami muzik apa yang dialunkan ;D

#### Ceritera II – Vendetta [Imaen:]

Dengan jari aku gali sedikit tanah di tepi nisannya, kukuburkan cincin itu di sisinya.

"Bukan bermakna aku sudah tidak menyayangimu lagi, sampai mati sayang, sampai mati! Aku tanam kerana aku ingin bersemadi di sebelahmu. Sedangkan apa yang bakal berlaku hari ini, aku sudah tidak pasti apakah nisanku nanti akan menjadi teman nisanmu... hari ini adalah titik tanpa pulang lagi. Vendetta!" [Blurb novel:]

Pada mulanya aku tak berkenan sangat nak baca kisah ni tetapi bila dah baca bab pertama tak boleh nak berhenti! Kisah cinta thriller ni memang mengikat hati. Bercerita tentang D yang menjadi pemburu. Memburu sesiapa saja yang terlibat dalam satu kes rompakan sebuah kedai emas yang turut meragut nyawa isterinya, Lia. Dasyat sungguh penangan cinta Lia pada D.

Jalan ceritanya memang mudah dihadam. Banyak juga yang aku dapat kutip daripadanya. Cuma aku sangat-sangat berharap yang D tak terus membunuh. Dendam tak akan bawa kita ke mana. Boleh juga aku bayangkan, kalau lah betul-betul terjadi kat Negara kita macam ni... pastinya tak senang duduk pihak polis kita hehehe

#### Ceritera III – Hati Andriyana [Noor Suraya:]

Hati Andriyana adalah sisipan kisah cinta 'dia' yang menyimpan seribu rahsia, 'dia yang menyimpan seribu cerita, 'dia' yang ingin berkongsi sebuah rasa: Aliya & Manjalara.

Dalam Gurindam Jiwa ini  
Manjalara beritakan tentang rasa hatinya  
Lalu Fitri Hadi akan mewarnakan citra pertama 'dia' di hatinya  
Walau apapun ceriteranya, di pena Noor Suraya  
Ku Fitri masih seorang 'Qais' untuk lailanya dan Raden Andriyana... masih seorang puteri. [Blurb novel:]

Pada mereka yang membaca Tanah Andriyana [TA:] seharusnya membaca cerpen ini pula. Kesinambungan kisah HA adalah pelengkap pada TA. Mengimbaskan kembali kisah cinta 4 keturunan yang saling bersangkutan-paut dalam dua keluarga ini. Bermula dengan Andriyana & Ku Fitri, Manjalara & Joshua, Ali Hakeem & Maryam dan terakhir pastinya Aliya & Hadi.

Persengketaan antara dua keluarga ini bagaikan tiada akhirnya. Dan pertemuan Aliya dan Hadi pula telah menyebabkan sejarah lama diungkit semula. Saling menyukai antara satu sama lain tetapi Aliya cukup berhati-hati. Dia tak mahu perkara lama berdarah kembali.

Aliya dan Hadi berusaha membongkar kisah di sebalik permusuhan dua keluarga bersaudara ini. Salasilah keluarga dijejaki dan pastinya harapan mereka untuk melihat keluarga ini bersatu semula. Lagipun, bolehlah nanti Hadi masuk meminang Aliya hik3 lalala5 ;P

---

### **anahashim says**

Assalamualaikum

Alhamdulillah buku kedua untuk tahun 2017,menghabiskan buku-buku lama yang tidak disentuh atau separuh jalan membacanya.

Teruskan membaca!

---

### **Intan Musa says**

Tiga penulis yang amat berbakat. Dua daripadanya amat saya minati. Terima kasih.

Hlovate - Schubert's Serenade - lagu yang penuh kenangan untuk seorang Najwa (Ju'a) kepada Shaharmi (Abang Shah). Bila Abang Shah meninggal dunia, Ju'a kehilangan dan tidak dapat meneruskan minatnya kepada musik. Dia lebih menumpukan dirinya kepada pelajaran serta doa untuk kesejahteraan Abang Shahnya.

Imaen - pertama kali membaca hasil tulisannya. Vendetta - 'D' kehilangan isteri tersayang semasa mereka berbelanja di Antwerp Finest. Dari hari itu, dia nekad untuk membala dendam ke atas mereka yang terlibat. Rupanya mereka adalah penjaya yang bertaraf antarabangsa. Dalam misi melaksanakan dendam, 'D' menemui seseorang yang dapat mencuit hatinya yang kekosongan. Perjalanan memenuhi dendam juga adalah jalan mengenali Tuhan. Ada ironinya. Perkenalan pertama saya pada dunia gelap seorang pembunuhan professional.

Noor Suraya - Hati Andriyana. Dua keluarga bermusuhan dari zaman nenek-moyang hingga kini. Hati Aliya dan Hadi tidak mungkin dapat disatukan kerana dendam lama. Tetapi kerana Ku Fitriyah Manjalara dan Yusoff (Joshua) O'Brien, mereka akhirnya disatukan. Dari situ, semuanya dipermudahkan. Satu-persatu rahsia keluarga dibongkar. Fitnah dan aib yang dilontarkan selama ini kepada Andriyana dapat dibersihkan. Keluarga dari susur galur Andriyana akhirnya diiktirafkan. Dan Aliya dan Hadi sekarang sedang menanti saat keluarga mereka berkembang.

---

### **Saa Amijudin says**

schubert's saranade..

---

**azian2575 says**

Schubert's Serenade (Hlovate): Najwa 'Ju'a' & Syah  
..There could be beauty in tragedy, anyway

Nangis aku baca citer ni.. sad ending.. waaaaaa :'(

Vendetta (Imaen): Lia

Hati Andriyana (Noor Suraya): Andriyana & Ku Fitri

---

**Asmar Shah says**

aku tinggalkan buku unleash the night seketika bila ternampak buku ni kat atas rak... buku ni melambai-lambai minta untuk dibaca lagi... Heeee

setelah aku tamatkan buku ni sekali lagi, aku tersilap bagi bintang rasanya... aku tak tahu kenapa aku just bagi tiga bintang pada waktu dulu... mungkin masa aku baca tu aku bergaduh dengan masalah kut hahaha...

cerita pertama seperti biasa mesti air mata aku bergenang di birai mata bila baca bab-bab yang nak habis... memang tak dinafikan hlovate terar hasilkan karya dan buat pembaca terus bermain dengan perasaan... huuu

ceritera dua, karya penulis ni memang aku suka!!! mungkin aku terlalu banyak baca cerita lejen dan fixi tu kut yang aku rasa suka dengan cerita ni... tapi bila berkali aku baca cerita ni memang aku terbayang seorang brader yang aku kenal, dia seorang askar, sedang berlari dengan pistol di tangan nak balas dendam... adeh Kalau brader tu tahu, mesti dia gelak berabis... hehe...

ceritera ketiga , bab satu tu aku tak suka sangat bila penulis guna kata nama 'saya' dalam penulisannya, syukurlah dia ubah bila masuk bab 3, maaf, aku betul-betul terganggu... rasa janggal tahap cipan hahaha.. (jangan risau ini aku sorang je yang rasa kut heee)... bila bab tiga dan seterusnya, macam tak boleh nak lepas haha...

akhirnya baru aku sedar buku ni Memang best... \*senyum lebar...

---